

## ABSTRAK

Pada asasnya tidak ada nas yang jelas tentang hukum cerai ta'liq di dalam al-Qur'an dan al-sunnah, namun permasalahan ini telah berlaku berlaku sejak zaman berzaman sehingga mendesak ulama memberi pandangan berdasarkan nas-nas yang berkaitan dengannya. Oleh kerana itu disertasi ini bertujuan mengemukakan suatu kajian tentang cerai ta'liq dari sudut pandangan syarak dan pelaksanaannya mengikut undang-undang di Malaysia, dengan rujukan khusus kepada kes-kes di Mahkamah Syariah Kota Bharu, Kelantan. Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan, umpamanya telah menyediakan lafaz ta'liq yang mengandungi syarat-syarat yang mengikat suami. Sekiranya syarat-syarat tersebut dilanggar, dan isteri telah membuat aduan ke Mahkamah, maka akan jatuh talak. Syarat-syarat tersebut ialah meninggalkan isteri, menyakiti tubuh badan isteri, tidak memberi nafkah kepada isteri dan tidak mempedulikan isteri. Kajian ini menggunakan metod kajian perpustakaan, khususnya untuk mengkaji konsep asas cerai ta'liq sepertimana yang dibincangkan oleh *fuqahā'* dalam kitab-kitab fiqh. Data-data dan dokumen berkaitan seperti Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan dan kes-kes berkaitan juga dirujuk. Setiap negeri mempunyai lafaz ta'liq tersendiri. Di antara lafaz-lafaz tersebut masih lagi mempunyai kelemahan-kelemahan sehingga ada antaranya bertentangan dengan kehendak syarak. Oleh sebab itu ianya masih perlu kepada penyeragaman yang menyeluruh agar menepati kehendak Islam. Walaupun terdapat kelemahan-kelemahan dalam beberapa aspek, kebanyakan ulama di negara ini tetap bersetuju dengan peraturan ta'liq yang terpakai sekarang. Ini bertujuan menjaga maslahah kaum isteri agar tidak teraniaya, terutamanya memandangkan zaman sekarang ramai suami yang gagal melaksanakan tanggungjawab kerana pegangan agamanya yang longgar atau kerana faktor-faktor lain.

## ABSTRACT

Basically, there is no clear *nas* about the law of ta'liq divorce stated in the Holly Qur'an and al-Sunnah. And yet, this problem has happened since centuries ago, which demands the ulama to give opinions based on the *nas* to the problem. Thus, this dissertation presents a study on ta'liq divorce from the viewpoint of the syarak and its implementation according to the law in Malaysia, with a special reference to cases in the Kota Bharu Syariah Court in the state of Kelantan. The Muslim Family Enactment of Kelantan has a ta'liq statement which contains rules that ties the husbands. If the rules are disobeyed and the wife makes a report to the court then the talak rule applies. The conditions are leaving the wife, hurting her physically, not providing her basic needs and not being care to the wife. This research uses library research method to overview the basic concept of cerai ta'liq as discussed by *fuqaha'* in fiqh books. The related documents such as The Muslim Family Enactment of Kelantan and cases are referred. Every state has its own ta'liq statement, even though there are still some weaknesses among the ta'liq statements and there are some who oppose the syarak law. Therefore, it still needs a full and uniform arrangement to meet the Islamic needs. Even though there are weaknesses in some aspects, most of the ulama in the country have agreed to the ta'liq rule is being used now. The reason is to preserve the right of wives so that they would not be mistreated, as at present there are many husbands who fail to carry out their responsibilities due to insufficient religious knowledge or because of other factors.